



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

INISIATIF KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN DISAMBUT BAIK OLEH SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA

Bersempena dengan sambutan Ulang Tahun ke 25 Kuala Lumpur Sports City (KLSC) pada 25 Julai 2023 yang lalu, Yang Berhormat Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan telah mengumumkan pemberian penggunaan secara percuma fasiliti Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk kegunaan Sambutan Hari Sukan Sekolah tertakluk kepada kekosongan jadual tempahan fasiliti. Antara fasiliti yang terlibat adalah penggunaan trek dan fasiliti di Stadium Nasional, *Kuala Lumpur Sports City* dibuka untuk penggunaan sekolah, penggunaan gelanggang bola jaring dan boling padang di Kompleks Sukan Bukit Kiara serta padang Stadium Hoki Tun Razak di Kompleks Sukan Jalan Duta.

Inisiatif ini telah disambut baik oleh pihak sekolah di Malaysia. Sehingga ke tarikh hari ini, sebanyak 24 permohonan telah diterima oleh Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) untuk tempahan sukan sekolah di Stadium Nasional. Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Bandaraya, Kuala Lumpur telah menjadi sekolah pertama yang menganjurkan sukan sekolah tahunan secara percuma di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 6 Oktober 2023.

Seiring dengan hasrat YB Menteri Belia dan Sukan, pelaksanaan konsep merakyatkan sukan melalui penggunaan fasiliti sukan di bawah PSM ini bertujuan untuk memfokuskan olahraga sebagai satu sukan pembangunan akar umbi di peringkat sekolah serta murid-murid sekolah dapat merasai pengalaman berlari di Stadium Nasional, Bukit Jalil yang boleh memberi inspirasi kepada mereka untuk menjadi seorang atlet.

Penggunaan fasiliti PSM secara percuma ini masih terbuka buat semua sekolah sehingga tahun 2025. Untuk sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, boleh layari portal PSM di www.stadium.gov.my atau hubungi talian 03-8892 0888.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
7 OKTOBER 2023**